

18/02/2001

Pasukan rali sasaran tajaan RM6.5j

Saufi Hamzah

MATLAMAT pasukan Petronas EON (PERT) untuk bersaing dalam Kumpulan A Kejohanan Rali Asia-Pasifik bakal menjadi kenyataan biarpun tajaan bernilai kira-kira RM6.5 juta belum dikumpul sepenuhnya sebelum acara bermula pada Mei ini.

Apapun, petanda positif sudah memberikan sinar apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan sokongannya untuk membantu pasukan itu mencapai lebih banyak kejayaan dalam perlumbaan rali antarabangsa.

Menurut Pengurus pasukan, Razak Dawood, pihaknya berupaya mendapatkan sebahagian tajaan yang diperlukan untuk membolehkan pemandu mereka, Karamjit Singh dan juruarahnya, Allen Oh bersaing dalam kesemua tujuh pusingan APRC.

"Namun ia masih tidak mencukupi dan kami perlu terus berusaha untuk mendapatkan lebih banyak tajaan.

"Dengan adanya sokongan pelbagai pihak, PERT akan dapat mencapai cita-cita untuk bertanding dalam Kumpulan A musim ini," katanya ketika ditemui dalam majlis makan malam yang dihoskan oleh Perdana Menteri sempena kejayaan PERT menjuarai Kumpulan N tahun lalu.

Ketika ini, PERT mendapat tajaan Petronas, EON, Proton, Penerbangan Malaysia, Yokohama dan Ralliart.

Sehubungan itu, Razak berkata pihaknya merayu syarikat tempatan untuk menghulurkan tajaan bagi membantu PERT memenangi gelaran berprestij dalam APRC iaitu Kumpulan A.

Gandingan Karamjit dan Allen, berjaya mendapat tempat pertama keseluruhan dalam Rali Indonesia, keenam di Rali Canberra ke-18 Rali New Zealand, kedua di Malaysia dan juara di Thailand sepanjang penyertaan dalam APRC tahun lalu.

Kalendar musim ini akan membabitkan tujuh siri perlumbaan bermula di Canberra pada 3 hingga 6 Mei dan berakhir di China pada 19-21 Oktober ini.

Kos untuk bertanding dalam Kumpulan A adalah lebih lima kali ganda daripada penyertaan Kumpulan N kerana kereta Kumpulan A adalah lebih berkuasa.

"Selepas memenangi gelaran Kumpulan N, PERT kini meletakkan sasaran untuk memenangi gelaran lain pada tahun ini dan seterusnya.

"Oleh itu, PERT kini memiliki kereta lebih berkuasa dan canggih untuk bersaing. Selepas ini, kami perlu menghadapi tentangan pengeluar lain yang sudah lama bersaing dalam Kumpulan A," katanya.

Ketika majlis makan malam kelmarin, Pengerusi EON, Tan Sri Salleh Sulong menyatakan hasrat supaya Perdana Menteri menjadi penaung bagi PERT.

Salleh kemudiannya memberikan cenderahati replika kereta PERT, simbol untuk Perdana Menteri sebagai peminat nombor satu PERT.

(END)